



# **JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN  
PELUKIS PELAN  
2015  
*SENIBINA***

**KOD : PPS03**  
**SUBJEK : UJIAN KEFAHAMAN LUKISAN**  
**TARIKH : 10 MAC 2015**  
**MASA : 9.00 PG - 12.00 TGH**

**DILARANG MEMBUKA KERTAS SOALAN  
SEHINGGA DIARAHKAN**

**PERKARA : PPS03 – UJIAN KEFAHAMAN LUKISAN**

**ARAHAN KEPADA CALON**

*Kertas ini mengandungi sepuluh (10) soalan.  
Jawab mana-mana lima (5) soalan sahaja.*

**Calon tidak dibenarkan merujuk kepada sebarang bahan rujukan.**

**SOALAN 1**

- a) Terdapat beberapa peringkat penyediaan lukisan senibina bagi menyempurnakan sesebuah projek. Senaraikan **lima (5)** daripada peringkat tersebut mengikut susunan yang teratur.

*(10 markah)*

- b) Senaraikan **lima (5)** lukisan pembinaan yang perlu ada bagi melaksanakan sesebuah projek.

*(10 markah)*

**SOALAN 2**

- a) Senaraikan **sepuluh (10)** perkara penting yang perlu dinyatakan di dalam setiap penyediaan *title block/notations* yang terdapat dalam lukisan senibina.

*(10 markah)*

- b) Lakarkan *title block* bersaiz A3 yang digunakan untuk lukisan butiran beserta maklumat yang perlu ada.

*(10 markah)*

SOALAN 3

- a) Berdasarkan lukisan di **Lampiran S3**, lakar dan lengkapkan kedudukan-kemudahan sanitari beserta aliran paip yang perlu ada menggunakan simbol yang sesuai. Sila jawab di **Lampiran S3**.

(14 markah)

- b) Merujuk kepada **Soalan 3(a)** di atas, senaraikan **enam (6)** kemudahan sanitari yang ada.

(6 markah)

SOALAN 4

- a) Senaraikan **lima (5)** jenis elemen hiasan dalaman (*interior design*) yang biasa digunakan dalam lukisan kerja atau lukisan pembinaan.

(10 markah)

- b) Dalam perincian lukisan papan tanda (*signage*) dan grafik, tanda "KELUAR" dan "NO SMOKING" adalah papan tanda yang biasa digunakan. Senaraikan **sepuluh (10)** papan tanda (*signage*) yang sering digunakan dalam bangunan selain daripada yang dinyatakan.

(10 markah)

SOALAN 5

Lukisan berbantuan komputer @ CAD mula diperkenalkan pada awal tahun 1940 . Tujuan utama perisian ini dicipta adalah bertujuan untuk menganalisa sesuatu rekabentuk kejuruteraan. Konsep CAD ini diperluas dan dikembangkan dengan perisian CAD yang lain terutama dalam menghasilkan lukisan berbentuk 2-dimensi.

- a) Nyatakan **lima (5)** kelebihan penggunaan AutoCad.

(10 markah)

**SOALAN 5 (sambungan)**

- b) Senaraikan **sepuluh (10)** ikon *command AutoCad* yang membantu mudah dan mempercepatkan kerja-kerja membuat lukisan.

(10 markah)

**SOALAN 6**

- a) Simbol kod kemasan memainkan peranan penting dalam lukisan kerja bagi memastikan kontraktor dapat menjalankan pembinaan dengan lancar di tapak bina. Lakarkan simbol kod kemasan yang lazim digunakan dalam lukisan kerja bagi perkara berikut:

- i) Spesifikasi Lantai
- ii) Spesifikasi Dinding
- iii) Spesifikasi Tingkap
- iv) Spesifikasi Pintu
- v) Spesifikasi Bumbung

(10 markah)

- b) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah menetapkan skema-skema warna bagi lukisan pelan tapak yang dimajukan bagi tujuan mendapatkan kebenaran merancang. Nyatakan **lima (5)** perkara yang perlu diwarnakan beserta skema warna yang telah ditetapkan.

(10 markah)

**SOALAN 7**

- a) Merujuk kepada lukisan di **Lampiran S7**, nyatakan aras lantai yang betul bagi setiap ruang yang tersedia. Sila jawab di **Lampiran S7**.

(10 markah)

**SOALAN 7 (sambungan)**

- b) Lakarkan jadual pintu (**P1, P2**) dan tingkap (**T1, T2**) beserta saiz merujuk kepada lukisan di **Lampiran S7**.

(10 markah)

**SOALAN 8**

- a) Pelan ukur merupakan pelan yang penting dalam penyediaan lukisan kerja. Senaraikan **sepuluh (10)** maklumat di dalam pelan ukur (*survey plan*) yang membantu dalam menyediakan pelan tapak.

(10 markah)

- b) Senaraikan **sepuluh (10)** maklumat penting yang mesti ditunjukkan di dalam Pelan Lantai.

(10 markah)

**SOALAN 9**

Lukisan terukur (*measured drawing*) merupakan salah satu komponen lukisan yang terdapat dalam lukisan senibina.

- a) Apakah yang dimaksudkan dengan lukisan terukur (*measured drawing*)?

(5 markah)

- b) Mengapakah lukisan terukur (*measured drawing*) disediakan?

(5 markah)

- c) Berikan **lima (5)** peralatan yang diguna pakai untuk menjalankan pengukuran bangunan bagi penyediaan lukisan terukur (*measured drawing*).

(5 markah)

SOALAN 9 (sambungan)

- d) Nyatakan kaedah atau teknik untuk mengumpul maklumat di tapak bagi menghasilkan lukisan terukur (*measured drawing*).

(5 markah)

SOALAN 10

- a) Nyatakan **enam (6)** daripada keperluan bomba yang ditunjukkan pada lukisan yang dikemukakan kepada pihak bomba untuk kelulusan.


(12 markah)

- b) Nyatakan **empat (4)** elemen yang terdapat di dalam lukisan landskap.

(8 markah)


\*\*\*\*\*

**SOALAN 3(a)** : Sila Jawab di helaian ini.  
 Angka Giliran : .....  
 Pusat Peperiksaan : .....  
 No. K/P : .....



Pelan Lantai Tandas

**SOALAN 7(a)** : Sila Jawab di helaian ini.  
 Angka Giliran : .....  
 Pusat Peperiksaan : .....  
 No. K/P : .....



Pelan Lantai Tingkat Bawah